

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran pertumbuhan ekonomi, kadar pengangguran dan kes kebankrapan tahun ini memandangkan anggaran Bank Dunia bahawa pertumbuhan GDP Malaysia akan susut 3.1% serta langkah yang diambil untuk menghindari keadaan sedemikian, khususnya di kalangan peniaga-peniaga kecil dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prospek ekonomi Malaysia bagi tahun ini dijangka terjejas akibat pandemik COVID-19 dan ini dapat dilihat melalui penyusutan KDNK negara bagi suku kedua 2020 kepada 17.1 peratus seterusnya menjadikan pertumbuhan dalam tempoh separuh tahun pertama 2020 merekodkan kemerosotan sebanyak 8.3 peratus. Justeru, unjuran KDNK negara bagi tahun 2020 telah disemak semula kepada antara -3.5 peratus hingga -5.5 peratus. Penguncutan pertumbuhan pada suku kedua tahun ini juga dialami oleh negara lain. Akibat krisis kesihatan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, Dana Kewangan Dunia (IMF) telah mengunjurkan bahawa lebih daripada 150 negara akan mencatat penguncutan kadar pertumbuhan KDNK pada tahun ini.

2. Ekonomi Malaysia mengalami penguncutan signifikan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal

penularan COVID-19 yang mengakibatkan hampir keseluruhan sektor perniagaan tidak dapat beroperasi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi mula menunjukkan penambahbaikan seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK bulanan dari -28.6% pada bulan April kepada -19.5% pada bulan Mei dan seterusnya ke -3.2% pada bulan Jun. Angka KDNK pada bulan Jun 2020 jelas menunjukkan pemantulan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sejajar dengan pembukaan dan pelaksanaan PKP Pemulihian (PKPP).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa PKP yang dilanjutkan sehingga April 2020 telah menyebabkan kehilangan banyak pekerjaan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan baharu. Walau bagaimanapun, pasaran buruh dijangka mulai pulih dalam tempoh separuh kedua tahun ini berikutan langkah Kerajaan melaksanakan PKPP yang membolehkan operasi perniagaan dibuka sepenuhnya mulai 10 Jun 2020. Berdasarkan statistik terkini pada Jun 2020, kadar pengangguran telah menurun kepada 4.9 peratus dari paras tertinggi 5.3 peratus pada Mei 2020.

4. Bagi tahun 2020, jumlah keseluruhan kes kebankrapan yang berdaftar sehingga bulan Jun adalah sebanyak 3,232 individu dan jumlah ini boleh dianggap satu penurunan yang ketara berbanding 12,051 individu bagi keseluruhan tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Mengambil kira akan kesulitan yang dihadapi oleh peminjam yang kini berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19, di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA, Kerajaan telah memberi penangguhan pembayaran balik pinjaman (moratorium) secara automatik selama enam bulan sehingga September 2020 untuk membantu para peminjam individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat bantuan aliran tunai segera terutamanya ketika pelaksanaan PKP yang telah merencatkan kegiatan ekonomi. Tambahan lagi, Kerajaan telah bersetuju moratorium

lanjutan dan bantuan bank bersasar yang lebih berfokus khusus untuk golongan yang benar-benar memerlukan. Ini adalah bagi memastikan supaya peminjam yang kehilangan punca pendapatan dan gagal membayar ansuran bulanan, tidak diisyiharkan bankrap. Di samping itu, golongan B40 dan M40 yang layak juga mendapat Bantuan Prihatin Nasional dan Bantuan Sara Hidup serta dapat menikmati program diskaun elektrik yang bermatlamat untuk mengurangkan beban aliran tunai.

6. Tambahan lagi, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya dalam membantu PKS yang menghadapi kekangan aliran tunai disebabkan pandemik COVID-19. Antara inisiatif pelan jangka pendek yang telah diumumkan termasuklah:

- a. Program Subsidi Upah bagi membantu majikan mengekalkan pekerja daripada dibuang dan hilang pendapatan;
- b. Pemberian Geran Khas PRIHATIN sebanyak RM3,000 untuk setiap PKS mikro bagi menampung keperluan aliran tunai perniagaan yang terjejas; dan
- c. Penyediaan Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility, SRF*) dengan peruntukan akhir berjumlah RM10 bilion khusus untuk membantu PKS yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19;
- d. Pemberian bantuan aliran tunai syarikat melalui program Khidmat Rundingan Majikan, pengecualian pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) dan membenarkan penangguhan pembayaran cukai pendapatan PKS;
- e. Penyediaan Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion yang mana ianya bertujuan membantu PKS dalam sektor pelancongan meningkatkan keupayaan untuk kekal berdaya maju; dan

NO SOALAN : 38

- f. Pewujudan Pembiayaan Mikro PENJANA dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional bagi membantu perusahaan mikro.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memperkemas dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meringankan beban rakyat, menyokong perniagaan dan memulihkan ekonomi melalui Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada bulan November 2020. Kerajaan sentiasa komited untuk memperteguh asas ekonomi negara, memulihkan keyakinan rakyat dan pelabur termasuk memperkuuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.